

04 SEP 1998

MCA-Wanita

MCA ANJUR SEMINAR POLITIK TARIK PENYERTAAN WANITA

JOHOR BAHRU, 4 Sept (Bernama) -- MCA akan menganjurkan lebih banyak seminar politik dalam usaha menarik penyertaan anggota baru terutama di kalangan wanita keturunan Cina.

Presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata seminar politik itu perlu bagi membolehkan mereka memahami peranan dan matlamat parti.

Wanita keturunan Cina boleh menyumbangkan kepada MCA menerusi pelbagai program yang diatur oleh parti bagi pembangunan negara dan bangsa, katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan MCA Johor di sini hari ini.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata setakat ini Pahang, Negeri Sembilan, Selangor dan Perak telah melancarkan gerakan secara besar-besaran untuk menggalakkan penyertaan wanita dalam parti.

"Matlamat parti ialah untuk mempertingkatkan keanggotaan wanita yang ada sekarang iaitu 250,000 orang kepada 500,000 orang dalam tempoh dua tahun," katanya.

Beliau berkata, bagi MCA Johor sekurang-kurangnya 50 peratus daripada sasaran 200,000 keanggotaan baru, adalah terdiri daripada wanita. Sekarang ini, MCA Johor mempunyai 150,000 anggota dan daripada jumlah itu hanya satu pertiga adalah wanita.

Katanya, sebanyak 17 cawangan Wanita MCA akan diwujudkan di negeri ini sebelum akhir Oktober.

Daripada jumlah itu, Kluang akan mewujudkan tiga cawangan Wanita MCA diikuti Bakri dan Labis masing-masing dua cawangan manakala Ledang, Parit Sulong, Batu Pahat, Segamat, Pontian, Kulai, Johor Baharu, Senai, Sungai Benut dan Gelang Patah pula masing-masing menubuhkan sebuah cawangan.

Sementara itu, Presiden Parti Gerakan Datuk Dr Lim Keng Yaik berharap pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan tidak dijadikan isu sebaliknya membantu kerajaan memperkukuhkan kestabilan politik dan menangani masalah ekonomi negara.

"Saya percaya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden UMNO dan anggota Majlis Tertinggi telah menjalankan kajian rapi sebelum tindakan itu diambil," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat badan perhubungan parti itu di sini.

Dr Lim, yang juga Menteri Perusahaan Utama melahirkan sokongan padu kepada kepimpinan Dr Mahathir.

-- BERNAMA

BH FAZ